

Benih padi IS21 tingkat pendapatan pesawah, kos pengurusan rendah

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Penggunaan Benih Padi IS21 berteknologi tinggi secara meluas mampu memberi banyak manfaat kepada golongan pesawah dan petani dalam meningkatkan pendapatan dan taraf hidup komuniti itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, maklum balas positif diterima daripada golongan itu selepas beliau melancarkan benih padi hasil penyelidikan Agensi Nuklear Malaysia tersebut empat bulan lalu di Sekinchan, Selangor.

Lebih istimewa katanya, kos pengurusan sawah juga dapat dikurangkan memandangkan penanaman padi itu tidak memerlukan baja yang banyak.

Menurutnya, benih tersebut mempunyai daya tahan tinggi terhadap cuaca ekstrem dan mempunyai daya rintang terhadap beberapa penyakit padi.

"Baka padi IS21 ini juga berpotensi menghasilkan padi sehingga sembilan tan sehektar mengikut kawasan penanaman dan amalan kultura pesawah jika diurus dengan baik mengikut garis panduan disyorkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada komuniti petani dan pesawah, sebagai projek tanggungjawab sosial korporat (CSR)



ISMAIL Sabri Yaakob menyampaikan replika Benih Padi IS21 kepada wakil penduduk sempena Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 Untuk Komuniti Petani dan Pesawah di Endau, Mersing, Johor, Rabu lalu. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di Endau, Mersing, Johor, kelmarin.

Ismail Sabri berkata, benih padi yang berkualiti boleh membantu negara meningkatkan pengeluaran hasil padi dan membantu menaikkan tahap sara diri negara.

Pada masa sama, beliau menjelaskan, ia dapat mengurangkan kebergantungan beras import serta dapat menjamin keselamatan makanan negara

dan menyokong Dasar Agromakanan Negara 2021-2030.

Bagi memastikan sumber makanan negara terjamin, selamat dan mencukupi, katanya, kerajaan sentiasa berusaha mencari kaedah terbaik yang mampu meningkatkan hasil padi.

"Sudah pasti golongan yang memainkan peranan paling penting dalam produktiviti industri padi negara adalah para pesawah serta petani dan kebajikan mereka adalah tanggung-

jawab kerajaan.

"Membesar sebagai anak petani, saya memahami de-nyut nadi serta pahit jerih setiap petani, saya memberi komitmen untuk pastikan tidak ada yang tercincir. Kebajikan petani serta Keluarga Malaysia sentiasa mendapat perhatian khusus daripada saya," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa berusaha memastikan usaha mempertingkatkan produk-

tiviti industri padi dilakukan secara proaktif termasuk memperkenalkan teknologi terkini bagi mendepani cabaran serta memperkasakan keupayaan.

Justeru, beliau menyenyar agar lebih ramai penyelidik tempatan dalam pelbagai bidang kepar-karan tampil mengetengahkan penyelidikan dan pembangunan serta menggembungkan tenaga bagi membangunkan inovasi agromakanan negara.

Katanya, MOSTI telah mem-berikan dana penyelidikan kepada syarikat Pengeluar Padi Sah di Sekinchan dengan kerjasama Agensi Nuklear Malaysia bagi membangunkan Loji Pengeluaran Benih Asas Padi IS21 mengikut piawaian prosedur operasi standard (SOP) antara bangsa bagi menghasilkan benih sah berkualiti tinggi.

Perdana Menteri tu-rut mengimbau semasa beliau mengemudi Kementerian Pertanian apabila pernah mencadangkan penghasilan benih padi berkualiti tinggi untuk meningkatkan pendapatan petani dan pesawah.

Beliau memberitahu, terda-pat dua jenis padi yang boleh dihasilkan iaitu pertama jenis benih padi yang tahan jika ditenggelami air sekali gus tanaman padi tidak rosak jika berlaku banjir sebagaimana dilaksanakan beberapa negara seperti Filipina dan India.